



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/127 Jld. 2 (01)
Tarikh : 30 April 2026

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH ISLAM HIV/AIDS EDISI KETIGA TAHUN 2026

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Penyakit, dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan AIDS Malaysia (YAM), telah melaksanakan semakan semula Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam HIV/AIDS pada Mei dan Julai 2025, yang seterusnya telah dimuktamadkan pada Mac 2026.

3. Semakan ini dilaksanakan bagi mengemaskini tatacara pengurusan jenazah Islam yang dijangkiti HIV/AIDS selaras dengan perkembangan maklumat semasa. Pengurusan ini menekankan pematuhan kepada prinsip kawalan jangkitan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta hukum syarak, di samping memastikan tiada diskriminasi atau layanan berbeza serta kerahsiaan status HIV kekal dipelihara.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam HIV/AIDS Edisi Ketiga Tahun 2026 untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak berkaitan. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk membuat edaran serta mengguna pakai garis panduan ini dalam pengendalian dan pengurusan jenazah Islam HIV/AIDS.

5. Pelaksanaan garis panduan ini diharapkan dapat memastikan amalan yang seragam, profesional, selamat serta penuh penghormatan tanpa sebarang diskriminasi.


Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. NORARYANA BINTI HASSAN)

Pengarah Kawalan Penyakit

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan

Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,
Hospital Tuanku Azizah, Kuala Lumpur

Pengarah,
Institusi Kanser Negara, Putrajaya

Ketua
Kepakaran Perubatan Penyakit Berjangkit

Ketua
Kepakaran Perubatan Keluarga

Ketua
Kepakaran Patologi

Pengarah
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Pengarah,
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah,
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pengarah,
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Presiden,
Persatuan Perubatan Malaysia

Presiden,
Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia

Presiden,
Persatuan Hospital Swasta Malaysia

Presiden,
Pertubuhan Doktor-Doktor Primary Care Malaysia

Pengarah Eksekutif,
Yayasan AIDS Malaysia dan Majlis AIDS Malaysia

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH ISLAM HIV/AIDS

Disediakan oleh

**Sektor HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia**

dengan kerjasama

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

dan

**Yayasan AIDS Malaysia
Majlis AIDS Malaysia**

Edisi Keempat
Tahun 2026

KANDUNGAN

	<u>m/s</u>
1.0 Pengenalan	2
2.0 Keperluan Langkah Pencegahan Jangkitan dalam Kalangan Pengendali Jenazah.	2
3.0 Langkah Pencegahan Menurut Ajaran Islam	3
4.0 Pemberitahuan kematian pesakit HIV/AIDS	
4.1 Kematian di Hospital	3
4.2 Kematian di Rumah	4
5.0 Pengurusan Jenazah Orang Islam HIV/AIDS	4
6.0 Penyediaan Peralatan Pengendalian Jenazah HIV/AIDS	
6.1 Alatan Pengendali Jenazah	4
6.2 Alatan Memandikan Jenazah	4
6.3 Alatan Mengkafankan Jenazah	5
6.4 Peralatan untuk Pembersihan Selepas Pengendalian Jenazah	5
7.0 Pengendalian Jenazah Orang Islam HIV/AIDS	
7.1 Pemilihan Pengendali Jenazah	6
7.2 Cara Memandikan Jenazah Yang Dijangkiti HIV/AIDS	6
7.3 Pembuangan Air Mandian Jenazah	8
7.4 Mengkafankan dan Menyembahyangkan Jenazah	8
7.5 Pengkebumian Jenazah	10
7.6 Langkah Pencegahan Setelah Selesai Mengendalikan Jenazah HIV/AIDS.	10
8.0 Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Tidak Diketahui Status Kesihatan.	11
9.0 Kesimpulan	11
Ringkasan Tatacara Pengurusan Jenazah Islam	12

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH ISLAM HIV/AIDS

1.0 Pengenalan

Jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus HIV. Virus HIV ditemui dalam kuantiti yang banyak di dalam darah, air mani, dan cecair faraj individu yang dijangkiti. Ia juga telah dikesan dalam kuantiti yang kecil dalam air mata, air kencing, air liur, rembesan telinga, dan susu ibu individu yang dijangkiti.

Jenazah yang mempunyai jangkitan HIV boleh mengancam kesihatan pengendali jenazah sekiranya virus tersebut berjaya memasuki salur darah tubuh mereka yang mengurus serta mengendalikan jenazah, walaupun risiko jangkitan adalah amat rendah. Sehingga kini, masih belum ada lagi kes jangkitan HIV yang dikesan di seluruh dunia yang disebabkan kecuaiannya semasa mengendalikan jenazah.

Namun demikian, langkah pencegahan perlu diambil bagi melindungi pengendali jenazah daripada dijangkiti HIV.

2.0 Keperluan Langkah Pencegahan Jangkitan dalam Kalangan Pengendali Jenazah.

Pengendali jenazah mesti menitikberatkan dan mengamalkan langkah pencegahan semasa mengendalikan jenazah yang dikenal pasti mempunyai HIV/AIDS. Langkah pencegahan ini sebaiknya diamalkan semasa menguruskan semua jenazah, kerana kita tidak tahu sama ada jenazah yang dikendalikan mempunyai kuman yang berbahaya, melainkan telah dimaklumkan oleh pihak kesihatan ataupun kaum keluarga si mati kepada pengendali jenazah.

3.0 Langkah Pencegahan Menurut Ajaran Islam

Langkah pencegahan yang disarankan ini sangat digalakkan sesuai dengan ajaran agama Islam, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Janganlah kamu campakkan diri kamu ke arah kebinasaan”
(surah Al Baqarah ayat 195)*

Hadis Nabi Muhammad SAW menyebut bahawa:

*“Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan
tidak boleh pula membahayakan diri orang lain”
(Hadis Riwayat Ahmad & Thabrani)*

4.0 Pemberitahuan kematian pesakit HIV/AIDS

4.1 Kematian di Hospital

Setiap kematian pesakit HIV/AIDS yang berlaku di hospital perlu **diberitahu dengan SEGERA** oleh pegawai bertugas di tempat kematian melalui telefon kepada:

- i. Keluarga si mati
- ii. Notifikasi kematian kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat

Sekiranya keluarga si mati gagal dihubungi melalui telefon, bantuan pihak polis boleh diminta tetapi status HIV si mati harus **DIRAHSIAKAN**

Nota:

Notifikasi kematian dari tempat kes mati (misalnya Wad, *Emergency Department* atau ICU)

4.2 Kematian di rumah

Keluarga si mati perlu memaklumkan kepada pihak berwajib seperti polis, Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan. Waris si mati juga perlu memaklumkan kepada mereka yang terlibat dalam pengendalian jenazah agar langkah-langkah pencegahan dapat dilaksanakan.

5.0 Pengurusan Jenazah Orang Islam HIV/AIDS

Adalah menjadi fardhu kifayah ke atas orang-orang Islam yang hidup menguruskan jenazah orang Islam, tanpa mengira status kesihatan, dengan melaksanakan empat perkara berikut iaitu:

- i. Memandikan
- ii. Mengkafankan
- iii. Menyembahyangkan
- iv. Mengebumikan

6.0 Penyediaan Peralatan Pengendalian Jenazah HIV/AIDS

6.1 Alatan Pengendali Jenazah

- i. Dua (2) pasang sarung tangan getah@panjang dan pendek(*Surgical glove*)
- ii. Sarung tangan kain
- iii. Apron plastik
- iv. Alat pelindung hidung dan mulut (*Mask*)
- v. Pelindung mata
- vi. Kasut But Getah

6.2 Alatan Memandikan Jenazah

- i. Air mutlak
- ii. Bekas air/baldi
- iii. Takungan mandian jenazah
- iv. Kain penutup jenazah
- v. Gunting atau pisau
- vi. Air Mawar

- vii. Kapur barus secukupnya
- viii. Daun bidara, serbuk cendana
- ix. Sabun mandi/akar sintok
- x. Kapas
- xi. Penapis atau kain jarang
- xii. Putik kapas/batang mancis/lidi – sebagai alat sugi
- xiii. Timba/ gayung
- xiv. Dulang

6.3 Alatan Mengkafankan Jenazah

- i. Kain putih (untuk pakaian jenazah dan lima (5) utas tali pengikat jenazah)
- ii. Gunting
- iii. Kapas
- iv. Serbuk cendana/kapur barus/ minyak wangi
- v. Piring/ dulang
- vi. Tikar
- vii. Alas plastik tebal (jika perlu)

6.4 Peralatan untuk Pembersihan Selepas Pengendalian Jenazah

- i. Larutan peluntur (1:9)

Kaedah pencairan larutan peluntur adalah 1 bahagian larutan peluntur dengan 9 bahagian air.

Nota:

pakaian, cadar (*linen*) perlu diasingkan dan direndam dalam larutan peluntur seperti bancuhan di atas, selama 20 – 30 minit.

7.0 Pengendalian Jenazah Orang Islam HIV/AIDS

Langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil oleh Pengendali jenazah untuk melindungi mereka dari dijangkiti HIV/AIDS adalah seperti berikut:-

7.1 Pemilihan Pengendali Jenazah

Pemilihan pengendali jenazah adalah seperti langkah pengendalian jenazah umum tetapi WAJIB memberikan keutamaan kepada faktor-faktor berikut:-

- i. Pengendali jenazah harus dihadkan kepada bilangan yang sekecil mungkin, sebaik-baiknya tidak melebihi empat (4) orang.
- ii. Pengendali jenazah sebaik-baiknya dari kalangan ahli keluarga atau mahram si mati dan petugas/ pegawai masjid yang terlatih dalam mengendalikan jenazah dari aspek pencegahan penyakit berjangkit termasuk **HIV/AIDS**.
- iii. Memastikan setiap pengendali jenazah tidak mengalami sebarang luka, kudis atau permukaan kulit yang pecah atau terkoyak. Sekiranya mereka mengalami keadaan sedemikian dan ingin turut serta mengendalikan jenazah, maka mereka perlu melindungi permukaan tersebut dengan balutan kalis air (*waterproof dressing*). Mereka yang mengalami penyakit kulit seperti ekzema, dermatitis dan sebagainya adalah tidak digalakkan mengendalikan jenazah.

7.2 Cara Memandikan Jenazah Yang Dijangkiti HIV/AIDS

Secara amnya cara-cara memandikan jenazah adalah seperti panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Namun demikian terdapat beberapa penambahan di dalam cara memandikan jenazah yang menghidap HIV/AIDS bagi tujuan pencegahan jangkitan.

Cara-cara memandikan jenazah HIV/AIDS adalah seperti berikut:-

- i. Pengendali jenazah mesti memakai dua (2) pasang sarung tangan getah @panjang & pendek (*surgical glove*), apron plastik dan digalakkan untuk memakai kasut/but getah serta penutup hidung dan mulut (*mask*).

- ii. Jenazah diletakkan di dalam takungan mandian mayat. Sekiranya tidak terdapat tempat khas, jenazah diletakkan di atas alas plastik tebal.
- iii. Jenazah hendaklah ditutup dengan kain yang lebar sepanjang masa memandikannya.
- iv. Rongga mulut, telinga, hidung serta faraj dibersihkan dan disumbat dengan kapas dengan menggunakan alat penyepit. Langkah ini perlu dilakukan terlebih dahulu sekiranya terdapat darah atau cecair yang sentiasa terkeluar dari rongga – rongga tersebut setiap kali jenazah dialih kedudukannya untuk dimandikan.
- v. Jenazah kemudian dimandikan seterusnya mengikut hukum syarak.
 - Diwujudkan jenazah sama seperti orang yang hidup.
 - Sunat didahulukan dengan niat memandikan jenazah dan dimulakan mandi dari sebelah kanan.
 - Sebelum mula memandikan jenazah, hendaklah dikosongkan dahulu perut jenazah dengan cara mendudukkan mayat dalam keadaan condong ke belakang. Kangkangkan kaki mayat dan tekan perut mayat perlahan-lahan dari atas ke bawah hingga najisnya habis terkeluar. Setelah itu, istinja mayat dengan tangan yang bersarung meliputi qubul dan dubul sehingga bersih. Letakkan semula mayat dalam keadaan baring di atas papan alas mandi dan barulah mula dimandikan.
 - Mulakan dengan menjirus jenazah dengan air bidara serta menggosok-gosok tubuh badan dan membuang kotoran dan najis yang ada pada permukaan luar tubuh.
 - Bersihkan semua najis yang keluar dari dalam tubuh jenazah yang meliputi dubur, kemaluan, hidung, telinga dan mulut.

- Jirus dengan air mutlak ke serata tubuh badan dan diakhiri dengan air kapur barus.
- Sekiranya rongga seperti mulut, telinga, hidung atau faraj ingin dibersihkan semula, ianya boleh dilakukan dengan kapas dan menggunakan alat pemegang khas seperti penyepit atau alatan lain yang telah disediakan.
- Lap jenazah dengan kain bersih yang kering dan rongga tubuhnya perlu disumbat dahulu dengan kapas.
- Jenazah diwudukkan selepas selesai dimandikan.
- Salin jenazah dengan kain yang bersih dan diusung keluar dari tempat mandi.

Nota:

Jenazah tidak perlu dimandikan dengan larutan peluntur

7.3 Pembuangan Air Mandian Jenazah

Air mandian jenazah perlu dibuang dengan mengalirkan ke dalam longkang atau lubang bagi dilupuskan. Kawasan pemandian jenazah seperti lantai serta dinding yang tercemar oleh air mandian perlu dicuci dengan larutan peluntur dan dibilas dengan air secukupnya.

7.4 Mengkafankan dan Menyembahyangkan Jenazah

Langkah-langkah mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah adalah seperti panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri mengikut hukum syarak tetapi mengambil langkah tambahan semasa mengkafankan jenazah HIV/AIDS seperti berikut;

- i. Pengendali jenazah hendaklah memakai sarung tangan getah semasa mengkafankan jenazah, terutamanya yang mengalami pendarahan, lelehan cecair atau permukaan tubuh yang tidak utuh.
- ii. Mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah mengikut hukum syarak.
 - Letakkan jenazah yang telah dibawa keluar dari tempat pemandian di atas kain kafan yang telah sedia terbentang.
 - Letakkan kapas di keseluruhan badannya terutama pada bahagian anggota sulit.
 - Bagi jenazah yang mengeluarkan cecair, bendalir darah atau terdapat luka kudis pada permukaan tubuh, kain kafan perlu dilapiskan dengan plastik jernih/lutsinar yang lembut selepas lapisan pertama kain kafan .Ini bertujuan agar ia tidak mencemari tempat sembahyang, kain kafan dan semasa mengusung jenazah.
 - Sebelum menutup muka jenazah, sebaiknya berilah peluang kepada keluarga si mati melihat buat kali terakhir.
 - Ikat jenazah dengan lima (5) utas tali yang telah disediakan dari tepi kain kafan. Semua ikatan hendaklah berada di sebelah kiri jenazah.
- iii. Jenazah yang telah dikendalikan dengan sempurna boleh disembahyangkan di masjid, surau atau di rumah seperti jenazah Islam yang lain.

Nota:

- Penggunaan Beg Mayat
 - Jenazah HIV/AIDS yang telah dikafankan **tidak perlu** dimasukkan ke dalam beg mayat (*body bag*).
 - Beg mayat **juga tidak diperlukan** untuk urusan pengangkutan dan pengkebumian jenazah.
- Mencium jenazah
 - Dibolehkan, jika bahagian muka jenazah dalam keadaan utuh / baik.
 - Tidak boleh, jika bahagian muka jenazah dalam keadaan tidak utuh

7.5 Pengkebumian Jenazah

- i. Pengkebumian jenazah adalah sama seperti pengkebumian jenazah secara umum dengan mengikut panduan dari Jabatan Agama Islam Negeri.
- ii. Penggunaan sarung tangan getah tidak dimestikan semasa jenazah dikebumikan.
- iii. Penyediaan liang kubur bagi menguburkan jenazah adalah seperti yang terdapat di dalam buku panduan Jabatan Agama Islam Negeri.

Nota:

Serbuk Peluntur tidak perlu ditaburkan ke dalam liang kubur.

7.6 Langkah Pencegahan Setelah Selesai Mengendalikan Jenazah HIV/AIDS.

- i. Pengendali jenazah harus memastikan tangan dicuci hingga bersih dengan menggunakan sabun sebaik sahaja selesai mengendalikan jenazah. Pengendali jenazah digalakkan mandi

menyucikan diri selepas mengendalikan jenazah bagi membersihkan diri dari sebarang kuman yang mungkin mencemari tubuh mereka semasa mengendalikan jenazah.

- ii. Barang-barang kepunyaan pengendali jenazah dan si mati **yang tercemar** dengan darah atau cecair hendaklah direndam dengan larutan peluntur (1:9) selama 20 - 30 minit sebelum digunakan semula atau ditanam.

8.0 Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Tidak Diketahui Status Kesihatan.

Pengurusan jenazah orang Islam yang tidak diketahui status kesihatan digalakkan untuk diuruskan mengikut cara pengurusan jenazah orang Islam yang menghidap penyakit berjangkit. Ini adalah bertujuan sebagai langkah-langkah pencegahan.

9.0 Kesimpulan

Garis panduan ini merupakan langkah pencegahan yang ditujukan kepada semua pengendali jenazah. Setiap pengendali jenazah perlu menyedari bahawa jenazah yang dikendalikan berkemungkinan dijangkiti kuman berbahaya. Oleh itu, garis panduan ini adalah bertujuan untuk melindungi para pengendali jenazah daripada dijangkiti kuman tersebut.

RINGKASAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ISLAM

	Tatacara Mengendalikan Jenazah	Jenazah Umum	Jenazah dijangkiti HIV/AIDS
1.	Peralatan keperluan untuk mandi jenazah • Sarung tangan getah 2 pasang • apron plastik • pelindung mata • mask • But getah • Takung mandian	Mesti (wajib) } Digalakkan	} Mesti (wajib)
2.	Mengkafan jenazah i. Sumbat rongga dengan kapas ii. Lapisan plastik	Sumbat kapas biasa Digalakkan menggunakan lapisan plastik selepas lapisan pertama kain kafan jika jenazah uzur dan mengeluarkan cecair badan	Sumbat kapas biasa Digalakkan menggunakan lapisan plastik selepas lapisan pertama kain kafan jika jenazah uzur dan mengeluarkan cecair badan
3.	Mencium jenazah • Jenazah yang utuh di bahagian muka • Jenazah tidak utuh di bahagian muka	Boleh Tidak Digalakkan	Boleh Tidak Digalakkan
4.	Sembahyang Jenazah	Dimana-mana mengikut hukum syarak	Dimana-mana mengikut hukum syarak
5.	Mengebumikan Jenazah	Mengikut hukum syarak	Mengikut hukum syarak

Tatacara Mengendalikan Jenazah		Jenazah Umum	Jenazah dijangkiti HIV/AIDS
6.	Penyeliaan pengurusan jenazah	Tidak perlu	Mesti diselia oleh pegawai masjid/ mereka yang telah dilatih atau anggota kesihatan
7.	Pengendali jenazah i) Basuh tangan selepas membuka sarung tangan ii) Merendam pakaian yang tercemar dengan larutan peluntur iii) Mandi selepas mengendalikan jenazah	Mesti Digalakkan Digalakkan	Mesti Mesti Mesti
8.	Peralatan yang digunakan i. Rendam dan basuh dengan air bancuhan larutan peluntur sebelum dibuang atau dipakai semula ii. Peralatan berasaskan logam perlu didisinfeksi dengan cara direbus	Digalakkan Digalakkan	Mesti Mesti
9.	Takungan mandian dan lantai dicuci/ mop dengan bancuhan larutan peluntur	Digalakkan	Mesti